

Faktor Remaja Lari dari Rumah dalam Kalangan Komuniti PPR Pantai Dalam dan Desa Rejang, Malaysia

Factors of Runaway Teenagers Among Community of PPR Pantai Dalam and Desa Rejang, Malaysia

Nor Khairiah Amir
Siti Fardaniah Abdul Aziz

Program Pengajian Psikologi
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

daniah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Lari dari rumah bukan satu tindakan yang pelik atau perkara baru yang berlaku kepada remaja di Malaysia. Ini disebabkan isu remaja lari dari rumah sering dikaitkan dengan remaja yang dahagakan kemewahan, kebebasan dan kurang sokongan daripada ibu bapa. Namun, fenomena lari dari rumah merupakan satu isu besar kerana remaja yang lari dari rumah selalunya berhadapan dengan masalah sosial seperti ditipu dan diperdagangkan, tiada tempat bergantung, dan tiada masa depan yang baik. Dengan ini, faktor-faktor remaja lari dari rumah perlu dikenal pasti bagi menyelesaikan punca masalah remaja lari dari rumah. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor remaja lari dari rumah. Kajian ini melibatkan seramai 63 orang remaja dalam kalangan komuniti Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Dalam dan Desa Rejang. Hasil kajian mendapati pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, dan pengaruh rakan sebaya mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat untuk lari dari rumah; manakala kecerdasan emosi dan didikan agama tidak berhubung secara signifikan dengan niat untuk lari dari rumah. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa remaja yang lari dari rumah bukanlah mereka yang tiada kecerdasan emosi atau kurang didikan agama. Sebaliknya, remaja yang lari dari rumah selalunya disebabkan insititusi kekeluargaan yang lemah seperti pendapatan keluarga yang rendah, tiada hubungan baik dengan keluarga, dan terpengaruh dengan rakan sebaya akibat hubungan kekeluargaan yang lemah. Oleh itu, institusi kekeluargaan perlu ditambah baik bagi membendung masalah remaja lari dari rumah.

Kata kunci: *remaja, projek perumahan rakyat, kecerdasan emosi, didikan agama, rakan sebaya*

ABSTRACT

Running away from home is not abnormal or a new issue among teenagers in Malaysia. This is because issue of teenagers run away from home is always associated with the needs of luxury and freedom, and low family support. However, the phenomenon of run away from home is a big issue because teenagers that run away from home were always deceived and involved in human trafficking, lost physiological needs, and did not have bright future. Hence, factors affecting runaway teenagers should be identified to solve the root cause of this problem. Therefore, the purpose of this study is to identify factors affecting runaway among teenagers. This study involved 63 teenagers living in PPR community; this includes those living in Pantai Dalam and Desa Rejang. Findings indicated that family income,

family ties, and peer influence had significant relationship with intention of runaway among teenagers; however, emotional intelligent and religion education were not significant. Findings also demonstrated that those runaway teenagers are not among those that have low level of emotional intelligent and religion education. Ironically, runaway teenagers is always caused by the weaknesses in family institution, such as low family income, bad relationship with family members, and finally influenced by peers because of the weaknesses in family institution. Hence, family institution should be improved to cater the issue of runaway among teenagers.

Keywords: *teenagers, public housing project, emotional intelligent, religion education, peer influence*

1. Pengenalan

Golongan remaja dianggap sebagai pelapis kepada bakal pemimpin; oleh itu, masa depan sesebuah negara terletak di bahu mereka. Maka, golongan remaja tidak boleh dibiarkan terumbang ambing dalam menjalani kehidupan mereka. Namun, golongan remaja sering terlibat dengan masalah keruntuhan akhlak dan moral terutamanya dalam kalangan mereka yang sering lari dari rumah. Fenomena ini bukanlah sesuatu perkara yang baru di Malaysia namun hal ini perlu diberi perhatian oleh masyarakat.

Gejala lari dari rumah adalah perkara yang perlu dipandang serius. Ini disebabkan remaja yang lari dari rumah biasanya berhadapan dengan masalah sosial seperti ditipu dan diperdagangkan, tiada tempat bergantung, dan tiada masa depan yang baik. Oleh itu, bagi membendung masalah remaja lari dari rumah, perlu ada kajian untuk menentukan faktor-faktor remaja tersebut lari dari rumah. Faktor-faktor remaja lari dari rumah perlu dikenal pasti bagi menyelesaikan punca masalah remaja lari dari rumah. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor remaja lari dari rumah.

Tujuan dan Signifikan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan hubungan dan pengaruh pemboleh ubah bebas iaitu kecerdasan emosi, didikan agama, pengaruh rakan sebaya, hubungan kekeluargaan, dan pendapatan keluarga terhadap keinginan remaja untuk lari dari rumah. Manakala kesignifikan kajian termasuklah:

- i. Memberi kesedaran kepada ibu bapa agar mengukuhkan institusi kekeluargaan bagi membendung masalah remaja lari dari rumah
- ii. Memberi kesedaran kepada masyarakat dan pihak bertanggung jawab untuk menangani masalah remaja lari dari rumah
- iii. Menambah kajian sedia ada di samping memberi input kepada pengkaji akan datang untuk menyelesaikan masalah remaja lari dari rumah

2. Tinjauan Literatur


Kajian Lepas dan Kerangka Konseptual

Beberapa teori serta model kajian lepas telah menjelaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan lari dari rumah. Dalam kajian Maizatul Akmam (2007), pemboleh ubah bebas iaitu hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi digunakan untuk melihat kesannya terhadap tahap tingkah laku delinkuen pelajar. Manakala kajian oleh Aziz Abu Bakar (1977) juga menggunakan pemboleh ubah bebas yang sama iaitu pendapatan keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi terhadap masalah tingkah laku remaja. Hasil kajian beliau pemboleh ubah bebas tersebut mampu mempengaruhi masalah salah laku remaja yang sering berlaku di sekolah termasuk lari dari rumah.

Seterusnya, kajian Phares dan Compas pula (1992) mendapati bahawa faktor kegagalan ibu bapa seperti tidak menunjukkan tingkah laku yang baik di hadapan anak-anak mereka termasuk mengabaikan ajaran agama turut menjadi faktor kepada masalah tingkah laku remaja. Menurut Fadzillah Kamsah dalam Berita Harian (22 Mac 2006), kajian beliau mendapati ramai remaja hanya menganggap agama sebagai satu lambang yang hanya dipraktikkan dalam ibadah wajib dan tidak memahami ajaran agama yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Selain itu, menurut laporan Berita Harian (20 Oktober 1998), keruntuhan institusi keluarga merupakan punca utama peningkatan masalah moral dalam kalangan remaja bawah umur sebagaimana yang telah dilaporkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu.

Hasan Bahrom (2004) mendapati bahawa keterlibatan Juvana dengan jenayah lari dari rumah mempunyai hubungan dengan sosio-ekonomi keluarga. Kajian Noor Adiah (1998) dan Norhayati (1994) juga berpendapat bahawa masalah sosial ada kaitan dengan pendapatan keluarga. Kenyataan ini disokong oleh akhbar Utusan Online (16 Julai 2017) iaitu remaja melarikan diri dari rumah disebabkan keluarga tidak mampu untuk menyokong mereka dari segi kewangan.

Berdasarkan kajian literatur di atas, satu kerangka konseptual yang menghubungkan antara pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, kecerdasan emosi dan didikan agama dengan kecenderungan lari dari rumah dirangka sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 1.



RAJAH 1. Kerangka Konseptual

3. Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif dan survei. Pembolehubah bebas dalam kajian adalah pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, kecerdasan emosi dan didikan agama manakala pemboleh ubah tetap adalah kecenderungan lari dari rumah dalam kalangan remaja.

Persampelan Kajian

Sampel kajian terdiri daripada golongan remaja berumur dalam lingkungan 15 hingga 21 tahun yang menyertai program masyarakat anjuran PERKASA UKM di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Dalam dan Desa Rejang pada 17 Disember 2017. Seramai 63 orang responden dipilih daripada 75 orang populasi, dengan berpandukan jadual saiz persampelan oleh Krejcie dan Morgan (1970).

Tatacara Pengumpulan Data

Tatacara pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini dikenali sebagai '*drop and collect*' di mana penyelidik mengedarkan soal selidik secara rawak kepada responden. Setiap responden akan mengembalikan borang soal selidik yang telah dilengkapi kepada penyelidik. Soal selidik mengandungi 6 bahagian iaitu bahagian A hingga bahagian F. Bahagian A merangkumi maklumat tentang latar belakang responden termasuklah pendapatan keluarga setiap bulan, manakala bahagian B (hubungan kekeluargaan) mengandungi 8 item, bahagian C (pengaruh rakan sebaya) mengandungi 2 item, bahagian D (kecerdasan emosi) mengandungi 5 item, bahagian E (didikan agama) dan bahagian F tentang kecenderungan lari dari rumah. Soal selidik bahagian B, C dan D dikemukakan oleh Maizatul Akmam (2007). Soalan ini dibina berdasarkan 3 pemboleh ubah bebas iaitu latar belakang keluarga, pengaruh rakan sebaya dan kecerdasan emosi. Manakala soalan bahagian E diadaptasi daripada Khadijah Abdul Razak dan Sabarina Yusof (2014). Soalan ini dibina berkaitan didikan beragama ibu bapa dan tahap amalan bergama.

Analisis Data

Data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package for Social Science*). Hasil daripada analisis deskriptif kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual. kekerapan, min dan peratus. Data juga dianalisis secara inferensi di mana ujian korelasi Pearson digunakan untuk menentukan hubungan antara pemboleh ubah manakala ujian Regresi Linear Pelbagai digunakan untuk menentukan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah tetap.

Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan dalam kajian ini adalah bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan dalam kajian sebenar. Seramai 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar sekolah menengah telah dipilih secara rawak untuk tujuan ini. Tujuan kajian rintis ini adalah tertumpu kepada penggunaan istilah dan struktur ayat dalam soal selidik. Selain itu, tujuan kajian rintis juga adalah bagi mengetahui sejauh mana responden memahami setiap pernyataan dan soalan ujian yang digunakan. Kajian rintis ini juga dilakukan bagi mengetahui sama ada pernyataan-pernyataan dalam soal selidik yang digunakan bersesuaian dengan pengalaman responden di sekolah. Hasil daripada kajian rintis ini ditunjukkan dalam jadual 1.

JADUAL 1. Hasil keputusan kebolehpercayaan keseluruhan item soal selidik.

Perkara	Nilai Alpha Cronbach
Hubungan kekeluargaan	0.959
Pengaruh Rakan Sebaya	0.755
Kecerdasan Emosi	0.722
Didikan Agama	0.980

4. Dapatan dan Perbincangan

4.1 Latar Belakang responden

Data berkaitan latar belakang responden ditunjukkan dalam jadual 2. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa majoriti daripada 63 orang responden terdiri daripada umur 17 tahun (57.1%), kaum lelaki (36.5%), adik-beradik 4 orang (30.2%), pendapatan keluarga kurang RM3860 setiap bulan (69.8%), tinggal dengan ibu bapa (92.1%) dan sangat selesa berada di rumah (50.8%). Data ini menunjukkan bahawa faktor kecenderungan lari dari rumah lebih diminati oleh kaum lelaki yang berumur 15 hingga 21 tahun, mempunyai 4 orang adik-beradik, tinggal dengan ibu bapa dan sangat selesa di rumah.

JADUAL 2. Latar Belakang Responden

Ciri Demografi	Komponen	Kekerapan (f) N = 63	Peratusan (%)
Umur	15	11	17.5
	16	18	28.6
	17	23	36.5
	18	4	6.3
	19	3	4.8
	20	3	4.8
	21	1	1.6
Jantina	Lelaki	36	57.1
	Perempuan	27	42.9
Jumlah Adik- Beradik	0	2	3.2
	1	2	3.2
	3	10	15.9
	4	19	30.2
	5	17	27.0

	6	8	12.7
	7	4	6.3
	8	1	1.6
Pendapatan Keluarga (RM)	0	1	1.6
	< RM580	3	4.8
	< RM980	15	23.8
	< RM3860	44	69.8
Tinggal	0	1	1.6
	Ibu Bapa	58	92.1
	Ibu	1	1.6
	Bapa dan Ibu Tiri	2	3.2
	Penjaga	1	1.6
Keselesaian	Sangat Selesa	32	50.8
	Selesa	21	33.3
	Kadang-kadang Selesa	8	12.7
	Sekali Sekala	2	3.2

4.2 Hubungan pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah tetap

Jadual 3 menunjukkan keputusan hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini menggunakan ujian korelasi Pearson. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hanya 3 daripada 5 faktor tersebut yang mempunyai hubungan songsang yang signifikan dengan kecenderungan lari dari rumah manakala selebihnya adalah tidak signifikan. Ini menunjukkan bahawa hanya tiga faktor lari dari rumah yang benar-benar memberi kesan terhadap kecenderungan lari dari rumah; ini termasuklah pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan dan pengaruh rakan sebaya. Manakala kecerdasan emosi dan didikan agama tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecenderungan lari dari rumah.

JADUAL 3. Keputusan hubungan antara pemboleh ubah menggunakan ujian korelasi Pearson

Pemboleh ubah	Nilai korelasi r	Nilai signifikan
Pendapatan keluarga	-.292*	0.020
Hubungan kekeluargaan	-.271*	0.032
Pengaruh rakan sebaya	-.256*	0.043
Kecerdasan emosi	-.147	0.250
Didikan agama	-.192	0.131

Pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap pemboleh ubah tetap

Jadual 4 pula menunjukkan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap kecenderungan lari dari rumah menggunakan ujian Regresi Linear Pelbagai. Analisis ini juga menunjukkan hanya pemboleh ubah bebas iaitu pendapatan keluarga sahaja yang mempengaruhi kecenderungan lari dari rumah secara signifikan. Manakala pemboleh ubah lain seperti hubungan kekeluargaan, pengaruh rakan sebaya, kecerdasan emosi dan didikan agama tidak mempengaruhi kecenderungan lari dari rumah secara signifikan. Ini menunjukkan bahawa pendapatan keluarga sahaja merupakan faktor utama yang menyebabkan remaja ingin lari dari rumah.

JADUAL 4. Keputusan pengaruh pemboleh ubah bebas terhadap kecenderungan lari dari rumah menggunakan ujian regresi linear pelbagai

Pemboleh ubah	Nilai β	Nilai t	Nilai signifikan
Pendapatan keluarga	-.270	-2.180	.033
Hubungan kekeluargaan	-.120	-.756	.453
Pengaruh rakan sebaya	-.176	-1.23	.223
Kecerdasan emosi	-.023	-.175	.862
Didikan agama	-.042	-.291	.772

5. Rumusan

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan remaja lari dari rumah. Terdapat beberapa pemboleh ubah yang dikaji dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati pendapatan keluarga, hubungan kekeluargaan dan pengaruh rakan sebaya merupakan faktor signifikan yang menyebabkan remaja ingin lari dari rumah. Manakala kecerdasan emosi dan didikan agama bukanlah punca remaja lari dari rumah sebagaimana yang telah digembar gemburkan dalam media sosial. Oleh itu, institusi kekeluargaan perlu ditambah baik bagi membendung masalah remaja lari dari rumah. Ini termasuklah meningkatkan pendapatan keluarga dan hubungan baik sesama ahli keluarga, dan seterusnya mengelakkan remaja daripada terpengaruh dengan rakan sebaya.

Penghargaan

Kajian ini dijalankan hasil kerjasama daripada pihak Pusat Pemerkasaan Remaja (PERKASA) Universiti Kebangsaan Malaysia di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Dalam dan Desa Rejang pada 17 Disember 2017.

Rujukan

- Ahmad Redzuan Mohd. Yunus. (2003). *Gejala Sosial Dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian*. 128. Utusan Publications.
- Anon, (2017). 1,803 Remaja, Kanak-Kanak Hilang Tahun Lalu. *Sinar Harian Online*, 15 November.
- Azizi Yahaya, Noordin Yahaya & Daing Junaidah Hj. Bachok. (2010) Perkaitan Antara Hubungan Kekeluargaan, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar Sekolah Bestari Di Daerah Pontian. *Journal of Science & Mathematics Education*: 21.
- Badruzaman Baharom. (2006). Persekitaran Keluarga dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja di Daerah Pontian, Johor. 179. <http://eprints.utm.my/5994/1/tesis.pdf> [11 Januari 2017]
- Cauce, A.M. (2004). Homeless, Runaway & Throaway Youth: Sexual Victimization and the Consequences of Life on the Streets. *The Washington Coalition of Sexual Assault Programs (WCSAP)* 7(1): 1-3.
- Greene, J.M., Ennet, S.T. & Ringwaltz, C.L. (1997). Substance Use Among Runaway and Homeless Youth In Three National Samples. *Am J Public Health* 87(2): 229-235.
- Johari Yap. 2016. Kemiskinan Punca Jenayah Meningkatkan di Kelantan? *Malaysia Digest*, 26 Julai.
- Khaidzir Ismail. (2010). Remaja Lari Dari Rumah. *Utusan Online*, 23 Disember.
- Loh Kha Bee. (2009). Lari Dari Rumah. www.smkdds.com.ppt [12 Jun 2017]
- Maizatul Akmam Abu Bakar. (2007). Perkaitan Antara Hubungan Keluarga, Pengaruh Rakan Sebaya dan Kecerdasan Emosi Dengan Tingkah Laku Delinkuen Pelajar.
- Neubeck, K.N. & Neubeck, M.A. (1999). *Social Problems A Critical Approach*. Edisi ke-4. New York: Hill Companies, Inc.
- Noor Mohamad Shakil Hameed. (2016). Tangani Kes Remaja Lari Rumah. *Utusan Online*, 5 Januari.
- Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit, & Siti Aisyah Yahya & Mohd Sufiean Hassan. (2016). Transformasi Hubungan Kekeluargaan Saudara Kita dari Sudut Emosi Selepas Memeluk Islam di Johor. *Jurnal Ilmi* (6):125-148.
- Wartawan Sinar Harian, (2018). Perunding Motivasi Ini Kongsi Tip Elak Pelajar Lari Dari Rumah Kerana Ini Sebenarnya Punca. *Sinar Harian*, 12 Januari.